

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]
TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)
SOALAN :

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status penswastaaan mega Pelabuhan Pulau Pinang dan Pangkalan Tentera Udara di Raja Malaysia di Butterworth yang melibatkan jumlah puluhan billion ringgit. Mengapa tidak ada akauntabiliti rasmi daripada pihak Kerajaan Pusat kepada rakyat Pulau Pinang sehingga UMNO pun membantah.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. telah diperakukan sebagai pembida yang berjaya bagi cadangan penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang melalui pemilikan ekuiti di dalam Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB).

Rundingan mengenai terma-terma perjanjian telah dimuktamadkan dan Perjanjian Tambahan (*Supplemental Agreement*) Penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang telah ditandatangani pada 23 November 2013.

Antara obligasi yang perlu dilaksanakan oleh syarikat STSB di Pelabuhan Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan kemudahan pengangkutan feri untuk rakyat Pulau Pinang khususnya yang berulang-alik pada setiap hari dari Butterworth ke Pulau Pinang (yang memerlukan kos yang besar, di mana syarikat Seaport terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM16 juta pada setiap tahun);
- (ii) mengambilalih kakitangan Pelabuhan Pulau Pinang;
- (iii) mengambil alih beban hutang syarikat PPSB yang melebihi RM1.2 bilion;

- (iv) menanggung kos pelaksanaan kerja-kerja pengerukan utama (*capital dredging* – dengan izin), dari 11.5 meter kepada 14.5 meter; dan
- (v) membuat suntikan modal (*cash injection* – dengan izin) bagi menyokong pembangunan di pelabuhan berkenaan.

Pada dasarnya dalam Penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang tidak timbul isu akauntabiliti memandangkan Penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang telah dilaksanakan secara tender terhad (*restricted tender* – dengan izin) dan keputusan Kerajaan untuk menswastakan Pelabuhan Pulau Pinang adalah berdasarkan pada pertimbangan komersial dan teknikal. Hasrat Kerajaan adalah untuk memastikan kesinambungan perniagaan dan pengoperasian Pelabuhan Pulau Pinang dapat diteruskan. Disamping itu, pihak Kerajaan juga memiliki (*Special or Preference Share* – dengan izin) di dalam syarikat yang mana ianya secara tidak langsung dapat memastikan kepentingan Kerajaan dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai status projek Pemindahan dan Pembangunan Semula Pengkalan Udara (PU) Butterworth pula, difahamkan ia masih di peringkat kajian cadangan oleh Kementerian Pertahanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN MOHAMED [PULAI]

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN : 89

Datuk Nur Jazlan Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Negara bagi memastikan industri penerbangan negara terus dinamik dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan pada masa kini sedang meneliti cadangan penubuhan Lembaga Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).

Penubuhan Suruhanjaya Penerbangan Awam Negara (CAAM) telah dicadangkan dalam Mesyuarat Majlis Aeroangkasa Negara pada Oktober 2006. YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2011 juga turut mengumumkan penyusunan semula DCA untuk dijadikan sebagai CAAM.

Cadangan CAAM juga adalah selaras dengan saranan *International Civil Aviation Organisation* (ICAO) supaya negara-negara pejanji ICAO menubuhkan satu badan bebas yang diberi kuasa autonomi untuk menjalankan fungsi kawal selia *aviation safety and security* dengan efektif serta mempunyai sumber kewangan sendiri untuk membiayai operasinya.

Pada masa kini, Kementerian Pengangkutan bersama-sama dengan Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan dan Jabatan Peguam Negara sedang memperincikan cadangan penubuhan CAAM dari aspek model organisasi, struktur organisasi, fungsi, perjawatan, aliran kewangan dan perundangan.